

CALCINASE

Calcitonin (Salmon) Nasal Spray/ *Calcitonin (Salmon) BP*

Apakah yang ada pada risalah ini

Apakah kegunaan Penyembur Hidung Calcinase
Sebelum mengambil Penyembur Hidung Calcinase
Cara menggunakan Penyembur Hidung Calcinase
Kesan-kesan sampingan
Cara penyimpanan dan pelupusan Penyembur Hidung Calcinase
Maklumat lanjut

Apakah kegunaan Penyembur Hidung Calcinase

Penyembur Hidung Calcinase digunakan untuk merawat osteoporosis (tulang nipis dan lemah) pada wanita selepas menopause untuk mengurangkan risiko fraktur tulang belakang.

Bagaimana Penyembur Hidung Calcinase berfungsi

Penyembur Hidung Calcinase mengandungi bahan aktif calcitonin (salmon, sintetik).

Calcitonin ialah hormon yang wujud semula jadi dalam tubuh manusia dan haiwan. Ia mengawal paras kalsium dalam darah. Calcitonin digunakan untuk menterbalikkan kehilangan tulang dan juga boleh membantu pembentukan tulang.

Sebelum mengambil Penyembur Hidung Calcinase

Bila tidak boleh mengambil

Jika anda alergik (hipersensitif) terhadap calcitonin (salmon, sintetik) atau mana-mana bahan kandungan Calcinase yang lain.

Jika anda mempunyai paras kalsium yang sangat rendah dalam darah (hipokalkemia).

Sebelum mula mengambil

Ambil perhatian khas dengan Penyembur Hidung Calcinase

Sebelum rawatan dengan Penyembur Hidung Calcinase, maklumkan doktor jika anda rasa anda alergik terhadap calcitonin (salmon, sintetik).

Doktor akan menjalankan ujian kulit sebelum anda mula menggunakan Penyembur Hidung Calcinase. Jika anda sakit hidung, jangan mula menggunakan Penyembur Hidung Calcinase.

Maklumkan doktor yang akan memeriksa hidung anda sebelum anda mula menggunakan Penyembur Hidung Calcinase.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi. Khususnya, penting untuk anda memberitahu doktor jika anda mengambil ubat yang mengandungi lithium, kerana dos lithium mungkin perlu diubah.

Penggunaan pada kanak-kanak dan remaja (umur di bawah 18 tahun)

Penggunaan Penyembur Hidung Calcinase tidak disyorkan pada pesakit di bawah umur 18 tahun.

Warga tua

Penyembur Hidung Calcinase boleh digunakan oleh pesakit tua tanpa sebarang keperluan khas.

Kehamilan dan menyusui

Penyembur Hidung Calcinase tidak harus digunakan pada wanita yang mengandung dan menyusui.

Jika anda mengandung, atau rasa anda mungkin mengandung, tanya doktor atau ahli farmasi untuk nasihat sebelum mengambil sebarang ubat.

Memandu dan menggunakan mesin

Penyembur Hidung Calcinase boleh menyebabkan keletihan, pening dan penglihatan terganggu yang boleh menjejaskan reaksi anda. Jika ini berlaku kepada anda, jangan memandu atau menggunakan sebarang mesin.

Maklumat penting tentang beberapa bahan kandungan Penyembur Hidung Calcinase

Produk ini mengandungi benzalkonium chloride yang boleh menyebabkan bengkak dalam hidung, terutamanya dengan penggunaan jangka panjang. Jika anda perhatian sebarang kesesakan hidung, hubungi doktor anda. Doktor akan memutuskan untuk mempreskripsikan rawatan lain untuk anda.

Cara menggunakan Penyembur Hidung Calcinase

Berapa banyak harus diambil/Bila perlu diambil/Berapa lama perlu diambil ?

Sentiasa menggunakan Penyembur Hidung Calcinase tepat seperti yang diberitahu doktor. Anda harus semak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

Ubat ini adalah untuk penggunaan pada hidung sahaja.

Ahli farmasi menyimpan Penyembur Hidung dalam peti sejuk. Sebelum anda mula menggunakannya, anda harus membiarkan penyembur itu mencapai suhu bilik. Anda harus menyimpan Penyembur Hidung Calcinase pada suhu bilik.

Dos biasa ialah satu sedutan semburan (200 IU) sehari. Disyorkan agar anda menggunakan Penyembur Hidung Calcinase pada kedua-dua lubang hidung secara bersilih ganti.

Disyorkan anda juga mengambil jumlah kalsium dan vitamin D yang cukup ketika menggunakan Penyembur Hidung Calcinase. Dapatkan nasihat daripada doktor.

Sebelum penyembur hidung itu digunakan untuk kali pertama, pam itu mesti disediakan seperti yang diterangkan di bawah dalam 'Arahan untuk penggunaan Penyembur Hidung Calcinase'. Arahan itu perlu diikuti dengan teliti.

Arahan untuk penggunaan Penyembur Hidung Calcinase

Sila baca arahan ini dengan teliti supaya anda tahu bagaimana menggunakan penyembur hidung.

CALCINASE


Calcitonin (Salmon) Nasal Spray/ *Calcitonin (Salmon) BP*

Arahan ini memberitahu anda mengenai:

- A. Bahagian-bahagian penyembur hidung yang berlainan.
- B. Bagaimana menyediakan penyembur hidung yang baru untuk digunakan.
- C. Cara menggunakan penyembur hidung.
- D. Menyemak kaunter.

Sentiasa mengikut arahan doktor mengenai dos dengan teliti.

A. Bahagian-bahagian botol penyembur yang berlainan.



1. Penutup pelindung: Memastikan kebersihan nozel dan melindungi jet. Sentiasa meletak balik penutup pelindung selepas menggunakan penyembur hidung.

2. Jet: Lubung kecil daripadanya ubat disembur keluar.

3. Nozel: Bahagian yang anda masukkan ke dalam lubang hidung.

4. Pam: Bahagian yang anda tekan ke bawah untuk penyembur beroperasi.


5. Kaunter: Tingkap kaunter dos pada penyembur hidung yang baru

menunjukkan  seperti yang ditunjukkan dalam gambar. Paparan akan berubah apabila anda menggunakan pam (lihat di bawah).

6. Tiub mencelup: Tiub dalam botol penyembur yang menarik ubat ke atas apabila anda menekan pam.

7. Botol: Mengandungi ubat yang cukup untuk sekurang-kurangnya 14 dos bermeter.

B. Bagaimana menyediakan botol penyembur hidung yang baru untuk digunakan:




• Jangan goncang botol penyembur hidung kerana ini boleh menyebabkan buih udara yang boleh menjejaskan dos anda.

Tingkap kaunter dos botol penyembur hidung yang baru adalah dalam

kedudukan yang ditandakan  dalam gambar.

• Pertama, keluarkan penutup pelindung.



• Pegang penyembur hidung tegak dalam satu atau dua tangan dan tekan ke bawah dengan teguh pada pam **3 kali**.

Ini menyediakan semburan baru dengan mengeluarkan udara daripada tiub mencelup. Anda hanya perlu melakukan ini sekali apabila anda memulakan semburan **baru**.

Jangan risau jika sedikit ubat disembur keluar; ini adalah biasa.

Semasa anda menekan pam, perhatikan perubahan dalam tingkap kaunter dos:



• Apabila hijau ditunjukkan dalam tingkap kaunter dos, penyembur hidung anda yang baru sedia untuk digunakan.

• Ikut arahan untuk “Cara menggunakan penyembur hidung”.

C. Cara menggunakan penyembur hidung

CALCINASE

Calcitonin (Salmon) Nasal Spray/ *Calcitonin (Salmon) BP*




- Selepas mengeluarkan penutup pelindung, tunduk kepala anda ke depan sedikit dan masukkan nozel ke dalam salah satu lubang hidung anda. Cuba pegang penyembur hidung tegak, seperti yang ditunjukkan dalam gambar.
- Takan pam dengan teguh sekali sahaja.
- Keluarkan penyembur hidung daripada hidung anda dan menyedut masuk secara mendalam melalui lubang hidung untuk menyimpan ubat dalam hidung.
- Jika doktor memberitahu anda untuk mengambil dua sedutan pada satu masa, ulangi prosedur ini pada lubang hidung yang lain.
- Selepas guna, bersihkan nozel dengan tisu kering dan letak balik penutup pelindung.

D. Menyemak kaunter

Setiap kali anda menggunakan penyembur hidung, bilangan dalam tingkap kaunter dos akan berubah. Bilangan yang dipaparkan memberitahu anda berapa banyak sedutan telah anda ambil. Penyembur hidung dijamin untuk memberi 14 dos bermeter. Anda boleh mendapat 2 dos tambahan.

Apabila tingkap kaunter dos bertukar menjadi merah dan memaparkan bilangan (16), seperti yang ditunjukkan dalam gambar ini, anda telah mengambil 16 sedutan semburan dan semburan telah selesai.

Anda akan perhatikan sedikit cecair tertinggal dalam botol penyembur hidung, tetapi ini adalah biasa.



Jika mekanisme penyembur menjadi tersekat, ini boleh dibaiki dengan menekan pam dengan kuat; **jangan** cuba membuka sekatan dengan menggunakan objek yang tajam kerana ini boleh menyebabkan kerosakan.

Jika anda rasa penyembur hidung anda tidak berfungsi dengan betul, pulangkannya kepada pembekal. Jangan cuba menetapkan penyembur hidung itu sendiri atau mengambilnya berasingan, kerana ini boleh menjejaskan dos anda.

Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa menggunakan penyembur hidung, ambil semburan sebaik saja anda ingat melainkan jika waktu itu kurang daripada 4 jam sebelum dos seterusnya. Jika demikian, tunggu dan ambil dos seterusnya pada masa yang biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggenapkan dos yang terlupa ambil.

Jika anda mempunyai soalan lanjut mengenai penggunaan produk ini, tanyalah doktor atau ahli farmasi.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda secara tidak sengaja telah mengambil terlalu banyak Penyembur Hidung Calcinase, beritahu doktor dengan segera. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan.

Semasa menggunakan Penyembur Hidung Calcinase

Perkara yang perlu dilakukan

Anda harus memberitahu doktor/ ahli farmasi mengenai sebarang herba/ ubat OTC/ diet khas yang sedang anda ambil/ atau melalui apa-apa perubatan untuk penyakit lain. Anda harus menjauhkan semua ubat daripada kanak-kanak.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Anda tidak boleh melebihi dos yang disyorkan.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Sila beritahu doktor jika anda mengandung/ merancang untuk menjadi mengandung/ atau menyusu

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Penyembur Hidung Calcinase boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mendapatnya. Kesan-kesan sampingan yang lebih kerap diperhatikan adalah yang menjejaskan hidung seperti sakit hidung atau/dan hidung berair atau tersumbat. Kesan-kesan tersebut secara umumnya adalah ringan dan jarang memerlukan dos diberhentikan.

Sesetengah kesan sampingan boleh menjadi serius:

Denyutan jantung meningkat, ruam netel (kulit bertompok-tompok merah yang gatal), kesukaran bernafas, bengkak lidah dan tekak, kesesakan dalam dada, kejatuhan mengejut dalam tekanan darah atau kejut. Ini boleh merupakan tanda-tanda reaksi alergik yang teruk (anafilaksis) dan amat jarang berlaku.

Bengkak muka, anggota badan atau seluruh badan (luar biasa).

Jika anda mengalami mana-mana ini, hubungi doktor dengan segera.

Kesan-kesn lain:

Kesan-kesan sampingan yang sangat biasa (memberi kesan kepada lebih daripada 1 dalam 10 pesakit):

CALCINASE

Calcitonin (Salmon) Nasal Spray/ *Calcitonin (Salmon) BP*

Hidung sakit, hidung berair atau tersumbat (rinitis), bengkak, kemerahan dan kerosakan pada bahagian dalam hidung, bersin, hidung kering, alergi hidung, hidung terengsa, bau yang tidak menyenangkan.

Kesan-kesan sampingan yang biasa (memberi kesan kepada kurang daripada 1 dalam 10 pesakit):

- Cirit-birit, sakit perut, berasa tidak sihat,
- Keletihan,
- Kesakitan dalam tulang atau sendi,
- Pening,
- Sakit kepala,
- Perubahan dalam cara sesuatu terasa,
- Gelombang kemerahan yang mengejut pada muka/ atau leher (menjadi muka merah),
- Hidung berdarah,
- Rasa tekanan atau sakit pada hidung, pipi dan belakang mata (inflamasi sinus), inflamasi dan kerosakan hidung,
- Sakit tekak dan ketidakselesaan semasa menelan (faringitis).

Kesan-kesan sampingan yang luar biasa (memberi kesan kepada kurang daripada 1 dalam 100 pesakit):

- Tekanan darah tinggi (hipertensi),
- Simptom-simptom serupa selesema
- Penglihatan terganggu,
- Reaksi alergik,
- Batuk,
- Tidak sihat,
- Gatal.

Kesan-kesan sampingan yang jarang (memberi kesan kepada kurang daripada 1 dalam 1000 pesakit):

Ruam kulit.

Dalam kes yang jarang berlaku, keberkesanan Penyembur Hidung Calcinase boleh dikurangkan.

Jika mana-mana kesan sampingan tersebut menjadi teruk, atau jika anda perhatikan sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi.

Cara penyimpanan dan pelupusan Penyembur Hidung Calcinase

Penyimpanan

Simpan botol yang belum dibuka dalam peti sejuk pada suhu antara 2°C hingga 8°C. Lindungi daripada membeku. Sebaik saja dibuka, botol boleh disimpan pada suhu bilik di bawah 25°C dalam kedudukan tegak sehingga 4 minggu.

Pelupusan

Sila tanya ahli farmasi tentang bagaimana melupuskan ubat yang tidak digunakan lagi / ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Cecair yang jernih dan tidak berwarna.

Saiz pek: Botol kaca 30 MD setiap satu.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan kandungan yang tidak aktif:

Sodium Chloride, Benzalkonium Chloride, Hydrochloric Acid, Air untuk Suntikan

NO MA: MAL10100004A

Pengilang

Cipla Ltd.

L-147 to L147-1

Verna Industrial Estate

Goa 403722

India

Pemegang Autorisasi Pemasaran

Medispec (M) Sdn Bhd,

55 & 57, Lorong Sempadan 2, (Off Boundry Road)

11400 Ayer Itam, Penang, Malaysia

Tarikh kemas kini

Disember 2011